

Religiuis Malaysia serlah keindahan Gereja Katolik

PLENTONG, Johor: Dalam kehangatan persiapan Konvensi Pastoral Malaysia 2026, para religius Malaysia yang berhimpun di MAJODI pada Jun 8 hingga 11 lalu memperlihatkan keindahan Gereja Katolik Malaysia dan menegaskan bahawa mereka mempunyai peranan penting dalam misi Kristus.

Seratus lapan puluh empat perwakilan yang mewakili 28 kongregasi menghadiri Perhimpunan Religiuis Malaysia (MRA) hadir pada perhimpunan bersejarah ini. Uskup Bernard Paul dalam ucapturnya menyatakan beberapa senario semasa dan menggesa para rohaniawan untuk menerima masa depan dengan harapan.

Harapan adalah satu peradaban mulia, kekuatan dalaman bagi lelaki dan wanita tertahbis meskipun pada masa sukar.

Melalui harapan, mata para religius ini akan tetap tertuju pada Kristus dan tetap lemah lembut serta berbelas kasihan pada dunia ini.

Walaupun bilangan para religius mengalami pengurangan, kongregasi yang semakin tua dan kekeringan panggilan, golongan tertahbis masih relevan dan terus memainkan peranan penting dalam kehidupan Gereja dan masyarakat umumnya.

Uskup Bernard yang menyampaikan ucapan bagi pihak Konferensi para Uskup Malaysia, bercakap tentang 'kegelapan' yang menyelembungi dunia semasa pandemik dan beberapa 'awan gelap' yang melambangkan kemerosotan politik, urus tadbir yang buruk, yang telah memberi kesan negatif kepada kehidupan ramai.

'Awan gelap' tidak akan kekal

'Awan gelap' itu juga melanda komuniti Gereja kita apabila mereka terlupa akan misi sebenar mereka kerana terganggu dengan keadaan tidak berdaya, lemah, tertekan dan tidak berbuah.

"Tetapi awan gelap tidak terus menguasai. Awan gelap akan pergi apabila kita melihat bahawa kehidupan religius bukanlah tentang kelangsungan hidup, tetapi seruan untuk saling bertemu, seruan ketaatan kepada Tuhan yang penuh kejutan, dan panggilan



184 perwakilan religius yang mewakili 28 kongregasi menghadiri Perhimpunan Religiuis Malaysia pada Jun 8-11, 2023 di MAJODI, Plentong.

untuk mencapai visi kenabian," kata uskup Bernard.

Katanya, 'awan gelap' itu akan berlalu dan memberi laluan kepada umat untuk mengatasi kebimbangan, mengatasi penurunan nilai kehidupan rohani kita, melawan godaan untuk mengurangkan kepentingan Tuhan, melawan kecenderungan hidup sesa dan duniawi, membantu menghilangkan sikap suka bersungut dan melawan mentaliti mahu meninggalkan kehidupan religius.

Kita dicipta untuk mengasihi

Beliau menggesa para agamawan agar membuka mata mereka kepada pelbagai realiti yang menyelubungi mereka.

Merujuk kepada perumpamaan orang Samaria yang Baik, Bapa Uskup itu berkata, "kita adalah pembawa harapan kepada golongan lemah, jiran dan para mangsa. Kita menyahut, bertindak balas dan menemani mereka dengan cinta afektif hidup (cinta sosial), dan kita melakukan ini kerana kita dicipta untuk mengasihi.

Bercakap mengenai sinodaliti, prelatus itu berkata bahawa apabila kita melihat visi du-

nia terbuka, kita dipanggil untuk 'memperluaskan khemah', iaitu untuk keluar dari diri kita, untuk melindungi dan menghormati perpaduan dan persaudaraan dalam keluarga dan mengiktiraf hak untuk hidup dengan bermaruah.

"Awan gelap akan berlalu apabila kita mempunyai hati untuk dunia. Apabila kita mengalu-alukan, melindungi, menyokong dan berintegrasi dengan kaum migran."

Uskup itu menambah bahawa apabila kita mempunyai kebajikan di hati, bukan kecenderungan politik maka kita akan mengiktiraf kebaikan bersama dan kepentingan umat.

Perbincangan dan dialog kita akan tertumpu kepada melindungi kerja, mempromosikan perpaduan, subsidiari, maruah manusia dan pembasmian kemiskinan.

'Awan gelap' akan hilang apabila kita mempunyai sikap kebaikan — mengadakan dialog, persahabatan dan pertemuan dengan semua, bebas daripada kekejaman, kebimbangan dan kebingungan zaman moden.

Merujuk dokumen *Fratelli Tutti*, Uskup Bernard berkata bahawa awan gelap dapat diatasi dengan pertemuan yang diperbaharui

dan melalui tiga perkara utama:

Pertama: Melihat semula persekutuan contohnya Tubuh Kristus yang satu, ketua adalah Kristus dan kita adalah bahagian-bahagian penting pada tubuh itu. Ia adalah panggilan untuk menjangkau, melampaui kongregasi dan menjadi Gereja.

Kedua: Panggilan untuk 'menerima semula penyertaan' dengan menyedari bahawa kita adalah sekeping *jigsaw puzzle* yang sangat diperlukan, di mana gambar itu tidak akan lengkap tanpa 'saya' dan 'anda'.

Ketiga: usaha untuk menjalankan misi, untuk melangkaui diri kita, kawasan Gereja kita, keangkuhan dan keganasan. Ini adalah tentang membina jambatan, bukannya dinding.

Uskup Bernard mengakhiri ucapannya dengan mengingatkan para religius bahawa satu-satunya kuasa yang dapat menghalau awan gelap dan dunia tertutup adalah inisiatif yang arif, bersatu dan cinta.

"Saudara dan Saudari terkasih ku, anda harus melihat diri anda sebagai Tubuh Kristus, bukan sebagai kongregasi dan ordo religius semata-mata." — *Patricia Pereira*

Wain dan gurauan menceriakan kesatuan

Elizabeth Poreba menamatkan puisi, *No Good Company*, dengan kata-kata ini:

*Saya tiada apa-apa jenaka,
Saya seorang yang kuat mengkritik dan kuat gelisah,
Wanita kulit putih yang selalu risau*

Tertanya-tanya apa yang perlu dilakukan, apa yang perlu dilakukan seterusnya

Seperti Yesus yang akan datang, kelihatan sibuk.

Semasa majlis perkahwinan di Kana, Maria memberitahu Yesus bahawa mereka tidak mempunyai wain lagi dan meminta Yesus untuk menciptanya. Apakah persamaan antara wain dan gurauan? Keduanya membawa tambahan yang diperlukan ke dalam kehidupan kita.

Mari kita mulakan dengan wain. Wain bukan protein tetapi ia adalah sesuatu yang memberi khasiat kepada tubuh dan jangka hayatnya sangat lama, ia juga sebahagian daripada diet penting. Ia adalah tambahan yang menyediakan sesuatu yang istimewa untuk kesihatan seseorang.

Jika diambil dengan sukatan yang betul dan secara sederhana, wain boleh membantu mengangakat mood, meringankan hati, dan menghangatkan perbualan, malah ia juga membantu (sekurang-kurangnya buat masa ini) mengurangkan beberapa ketegangan di kalangan kita. Ia adalah minyak yang boleh membantu membuat perbualan, makan malam keluarga,

atau aliran perhimpunan sosial berlaku dengan lebih menyenangkan.

Gurauan? Seperti wain, jika diambil dengan semangat yang betul dan dalam kesederhanaan, ia juga boleh mengangkat motivasi, meringankan hati, menghangatkan perbualan, dan mengurangkan ketegangan dalam sesebuah perjumpaan atau perhimpunan.

Pemikiran Yunani klasik menyatakan bahawa cinta mempunyai enam komponen: *Eros* – tarikan emosi dan seksual; *mania* – obsesi emosi; *asteismos* – keseronokan dan jenaka; *storge* – penjagaan dan permintaan; *Pragma* – pengaturan praktikal dan penginapan; *Philia* – persahabatan; dan *agape* – altruisme.

Biasanya, apabila kita memikirkan cinta, kita memikirkan setiap komponen ini, kecuali aspek jenaka dan suka bermain. Perasaan romantik yang kita kenali mengenal pasti cinta sebagai obsesi emosi dan tarikan seksual.

Agama dan moral kita pula mengenal pasti cinta sebagai penjagaan, persahabatan, dan altruisme, dan bagi yang pragmatik, mereka mengenal cinta sebagai aturan praktikal.

Hanya sedikit yang bercakap tentang tempat dan kepentingan jenaka, atau keseronokan, usik mengusik yang sihat, humor, tetapi perkara-perkara inilah yang membuatkan hubungan kita atau sesebuah pertemuan berjalan dengan lancar serta hangat. Dan kami tinggal bersama-sama dengan latar be-



lakang kita yang berbeza, personaliti dan kebiasaan yang berbeza.

Perbezaan-perbezaan kami ini boleh cenderung untuk salah faham dan mewujudkan ketegangan tetapi kami lebih selesa bersama, saling menyokong dan bersolidariti serta merayakan kehidupan. Mengapa dan bagaimana?

Apa yang menjadikan hidup kami lebih gembira meskipun berlainan budaya? Mengapa kami yang dari latar belakang ini saling berbunuh? Bagaimana kami dapat hidup gembira meskipun kami berbeza, tahap kematangan kami juga berbeza, dan kami masing-masing mempunyai ego?

Sebenarnya, kami ada misi serupa yang mendorong kami untuk bekerjasama dan, yang paling penting, ada doa biasa yang membantu kami untuk saling menyokong dan mengambil berat antara satu dengan yang lain. Tetapi, apa yang lebih penting ialah, terdapat jena-

ka, usik mengusik yang sihat dan humor yang, seperti wain di meja, membantu menghilangkan rasa janggal dan mengurangkan ketegangan yang wujud dalam perbezaan kita.

Komuniti yang berat hati, melalui jenaka, usik mengusik secara sihat, bermain-main akhirnya akan menjadi komuniti yang ringan hati, tidak terlalu serius, tidak tegang dan tidak sombong. Dalam setiap komuniti yang sihat yang saya tinggal, salah satu perkara yang menjadikannya sihat (dan menyenangkan untuk pulang ke rumah) adalah humor, suka bermain, mengusik, dan jenaka. Ini adalah wain mewah yang boleh memeriahkan meja mana-mana keluarga dan mana-mana komuniti.

Ini, tentu saja, seperti minum wain, apabila berlebihan dan akan menghalang matlamat perbualan yang baik. Juga, usikan yang melampau boleh menyebabkan ke-sejatan dan sifat murni dalam komuniti itu terganggu.

Humor, jenaka, usik mengusik dan prankster perlu dihentikan segera apabila perbualan serius mengambil tempat. Risiko bergurau berlebihan memang membawa keburukan, namun tanpa gurauan, hidup bersama itu lebih sukar.

Jenaka, bermain, mengusik, dan humor tidak hanya membantu kita berhubungan antara satu sama lain melangkaui perbezaan kita, ia juga membantu meredakan keangkuhan di kalangan mereka yang terlalu serius. Jenaka dapat membantu me-

astikan keluarga dan komuniti kita lebih bersatu dan menyenangkan.

Saya dibesarkan dalam keluarga besar, dengan setiap daripada kami mempunyai personaliti yang kuat dan kebanyakan kami juga cuai serta melakukan banyak kesalahan. Rumah kami yang kecil untuk menempatkan keluarga yang begitu besar, tetap menyenangkan kerana dipenuhi dengan jenaka, keseronokan, humor, dan usik mengusik yang sihat. Kami jarang mempunyai wain, tetapi kami mempunyai jenaka!

Apabila saya mengingat kembali apa yang keluarga saya berikan kepada saya, saya sangat berterima kasih atas pengalaman dan hadiah ini: iman, cinta, keselamatan, kepercayaan, sokongan, pendidikan, kesederhanaan, dan kepekaan moral. Mereka juga mengajar saya untuk bergurau, berjenaka, bermain, mengusik secara sihat. Ini semua adalah hadiah yang amat besar.

Semasa majlis perkahwinan di Kana, ibu Yesus menyedari bahawa, majlis perkahwinan belum selesai tetapi ada sesuatu yang tidak betul. Adakah ia perasaan kebimbangan? Tidak gembira? Terlalu serius? Adakah sikap tidak peduli? Ada sesuatu yang tegang dalam majlis itu. Walau apa pun, memang ada sesuatu yang tidak kena. Jadi Maria pergi kepada Yesus dan berkata, "Anak, mereka tidak mempunyai jenaka!" — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023@Fr Ron Rolheiser*

Seruan yang mendamaikan

Dalam pembacaan pertama, Yeremia kelihatan seperti orang yang tidak menyenangkan kerana selalu bersungut-sungut, mengeluh, dan selalu memberitakan penghukuman.

Ketika kita membaca kata-kata Yeremia kepada Tuhan setelah dia dipasung oleh imam Pasyur, dia selalu mengeluh dan 'meracauracau.' Puncak keluhan Yeremia terjadi ketika dia mengharapkaannya semasa dia dalam kandungan!

Harus diakui bahawa kehadiran orang yang selalu mengeluh akan membuat kita rimas. Namun demikian daripada keluhan-keluhan Yeremia kita dapat mendapatkan dua pengajaran.

Pertama, segala sesuatu yang dikeluhkan berdasarkan kenyataan. Dia sungguh-sungguh kesakitan dan didera kerana pelbagai kesulitan. Bila dibandingkan dengan kehidupan Yeremia, kehidupan kita bagaikan kebun bunga mawar.

Seandainya kita berada dalam posisi Yeremia, kita pun pasti melakukan apa yang dia lakukan. Yeremia memberikan teladan yang indah buat kita iaitu meski-

pun banyak mengeluh kerana sering mengalami tekanan mental, dia tetap setia kepada Tuhan. Dia tetap memberitakan firman-Nya meskipun dia tahu bahawa mereka tidak akan mendengarkan, bahkan akan semakin mengalami kesulitan dan kesakitan. Yeremia tetap berkomitmen kepada Tuhan walaupun masalah menggunung. Kedua, ketika Yeremia mengeluh, Tuhan mendengar keluhannya. Tuhan tidak marah atau hilang sabar sehingga Dia menjawab keluhan Yeremia.

Seperti Yeremia yang mengalami penderitaan dan aniaya kerana tugasnya sebagai nabi yang diutus Tuhan, Yesus pun mengalami aniaya kerana membuktikan bahawa dirinya adalah Putera Tuhan, bahawa Dia dan Bapa adalah satu, ini adalah bukti keilahian Kristus.

Dalam pembacaan Injil, "kerana tidak ada sesuatupun yang tertutup yang tidak akan dibuka dan tidak ada sesuatupun yang tersembunyi yang tidak akan diketahui (Mat 10:26) merupakan dorongan berlandaskan kepada pengetahuan bahawa penghakiman terakhir Tuhan akan membenarkan orang percaya dan beruru-

san dengan para penganiaya.

Jadi, sesuai dengan perkataan Yesus yang sering kali dipakai ini, apa yang telah diterima Kedua Belas Murid tersebut secara peribadi (dalam gelap, dibisikkan ke telinga) harus diumumkan dengan tidak gentar (dalam terang, beritakan itu dari atas atap rumah) — Mat 10:28.

Seberat apa pun masalah yang dihadapi murid-murid Kristus, semuanya itu tidaklah melebihi apa yang sudah dihadapi Kristus. Seorang murid tidak lebih daripada gurunya.

Kita juga melihat perkataan ini dijadikan alasan mengapa mereka harus bersedia melakukan pekerjaan yang paling hina sekalipun, bahkan untuk saling membasuh kaki mereka.

Di sini perkataan tersebut diberikan sebagai alasan mengapa mereka tidak boleh menyerah di dalam penderitaan yang paling berat sekalipun. Mereka diingatkan akan perkataan ini sebuah ungkapan peribahasa, bahawa seorang hamba tidaklah lebih dari tuannya, kerana itu, seorang hamba janganlah mengharapkaannya yang lebih baik daripada tuannya.

HARI MINGGU BIASA KE-12 TAHUN A

YEREMIA 20: 10-13

ROMA 5: 12-15

INJIL MATIUS 10: 26-33

Tuhan memperhatikan secara khusus setiap orang di dalam penderitaan-penderitaannya. Alam sendiri mengajarkan hal ini kepada kita, dan ini sangat menghibur bagi umat manusia, terutama bagi semua orang baik yang di dalam iman dapat memanggil Tuhan ini sebagai Bapa mereka, yang memelihara mereka dengan penuh kelembutan.

Pemeliharaan ilahi yang secara umum meliputi seluruh makhluk hidup, bahkan yang paling kecil sekalipun seperti burung pipit. Malah, haiwan mungil ini meskipun tidak berharga tetapi tidak terlepas dari pemeliharaan ilahi.

Kedua, perhatian khusus yang diberikan Tuhan kepada murid-murid Kristus, terutama di dalam penderitaan-penderitaan mereka, (rambut kepalamu pun terhitung

semuanya).

Ini adalah suatu ungkapan peribahasa yang menunjukkan betapa Tuhan sangat memerhatikan dan peduli akan umat-Nya, bahkan hal-hal yang kecil dan yang paling sedikit diperhatikan sekalipun.

Orang biasanya cemas tentang wang atau harta namun tidak pernah mahu dengan teliti menghitung rambut yang gugur dan mereka tidak pernah merasa kehilangan rambut mereka itu.

Tetapi Tuhan menghitung rambut umat-Nya, dan tidak sehelaipun dari rambut kepala mereka akan hilang. Mereka tidak akan dibiarkan disakiti sedikit pun, kecuali atas pertimbangan yang matang. Mengapa demikian? Kerana kita begitu berharga di mata Tuhan, walau siapa pun kita! — *IGL*

SHBDR tunjang perpaduan dan persaudaraan

SANDAKAN: Seminar Hidup Baru Dalam Roh (SHBDR) anjuran Tim Pelayanan Karismatik Katolik Bahasa Malaysia dan CHARIS Keuskupan Sandakan telah menampilkan sesuatu yang berbeza pada tahun ini.

Tahun ini, acara itu bukan semata-mata seminar tetapi terdiri dari dua program iaitu Kemuncak Kunjungan Muhibah CHARIS Keuskupan dan SHBDR.

Pada Mei 12-14, bertempat di Katedral St Mary, 114 peserta yang mendaftar terlebih dahulu mengadakan ziarah ke Bukit Maria dan merayakan Misa Kudus yang dipimpin oleh Paderi Paroki, Fr Simon Kontou dan dibantu oleh Penasihat Rohani CHARIS Keuskupan Sandakan, Fr Arthur John.

Selepas Misa, para peserta beralih ke depan untuk acara perasmian kemuncak lawatan Muhibah tersebut yang dihadiri oleh Uskup Julius Dusin Gitom, Fr Simon, Fr Arthur, dan Pengerusi CHARIS Keuskupan Sandakan, Sdra. Adaris Moses Sintan.

Bapa Uskup dalam ucapan alu-aluannya mengingatkan bahawa fungsi utama CHARIS adalah untuk membantu gereja, menyatukan semua umat tidak mengira bangsa dan budaya dalam perayaan Ekaristi.

Fr Arthur pula mengingatkan para peserta tentang tiga tanggungjawab CHARIS seperti yang diseru oleh Sri Paus Fransiskus iaitu, mengongsikan baptisan dalam Roh Kudus kepada semua orang dalam Gereja, melayani kesatuan Tubuh Kristus yang adalah Gereja, dan melayani orang miskin dan yang memerlukan.

Majlis diserikan dengan mengalungkan linangkit bercorakan kebudayaan Kadazan, Dusun, Murut kepada Uskup Julius, para paderi, perwakilan Charis keuskupan serta berapa ahli kelompok doa yang paling lama, iaitu Sdra Matheus Sodomon, Sdri Samina Gakin, Sdri Silvia Guasa dan Sdri Bibiana Sambag.

SHBDR menampilkan sembilan tema iaitu "Ekaristi" dan "Ketuhanan Yesus" yang disampaikan oleh Fr Simon, "Penyelamatan dan Karunia-Karunia Roh Kudus" oleh Fr Arthur, "Cinta Kasih Tuhan" oleh Sdra. Fredolin Karim (Pengerusi Karismatik Paroki Lahad Datu), "Hidup Baru Dalam Roh" oleh Sdri Leazrinna A. Adaris, "Bonda Maria dan Gereja" oleh Sdri Martina Duhong (Pengerusi Kelompok Doa Bahasa Malaysia Katedral St Mary, Sandakan) dan "Luka-Luka Batin" serta "Curahan Roh



SHBDR dan Kunjungan Muhibah CHARIS Keuskupan bantu para peserta untuk merenung serta merasai kehidupan bersama Kristus.

Kudus" oleh Sdra Adaris M. Sintan.

Adalah menjadi harapan gereja supaya seminar ini dapat membantu para peserta untuk merenung dan merasai kehidupan bersama Kristus.

Meskipun realiti kehidupan seorang Kristiani yang penuh dengan cabaran,

harapan dan dorongan serta kesedaran akan pimpinan Roh Kudus dalam hidup peserta, mereka dikuatkan melalui pengalaman iman yang mereka perolehi dalam Seminar Hidup Baru dalam Roh. — *Leazrinna A. Adaris*



Pengakap muda Perancis bantu liturgi hari Minggu di St Jude

RAWANG: Gereja St Jude menjadi tuan rumah kepada 60 pengakap muda Perancis pada Jun 4 lalu. Mereka disambut hangat oleh Paderi Paroki, Fr Vincent Thomas. Acara ini sudah berlangsung sejak 2018 tetapi tertangguh seketika semasa pandemik.

Acara mengunjungi gereja merupakan salah satu sesi para pengakap muda ini yang mengadakan perkhemahan di perhutanan sekitar Lembah Klang.

Di Gereja St Jude, para pengakap muda ini menyertai perayaan Ekaristi. Sebelum itu, mereka berdoa rosari dalam bahasa

Perancis.

Salah seorang ahli pengakap juga menjadi pewarta pertama dan beberapa daripada mereka membawa persembahan ke altar.

Umat paroki juga terpesona mendengar lagu kesyukuran untuk Bonda Maria yang dinyanyikan dalam bahasa Perancis.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Soalan: Jika Tuhan adalah Kasih dan kasih itu tidak cemburu (1 Kor 13:4), mengapa dikatakan bahawa Tuhan itu cemburu (Kel 20:5; Ul 4:24)?

Jawaban: Istilah 'cemburu' yang kita fahami sekarang memang cenderung mengarah kepada erti negatif.

Makna 'cemburu' sering dihubungkan dengan rasa iri, atau curiga terhadap pihak lain. Nampaknya inilah yang terjadi dalam jemaat sebagaimana ditulis oleh Rasul Paulus di dalam suratnya di Korintus (lih. 2Kor 12:20) dan Roma (lih. Rm 13:13).

Rasul Paulus bimbang adanya "perselisihan dan iri hati.../ *quarrelling and jealousy* dalam jemaat.

Namun dalam Kitab Suci, kata yang sama, dapat digunakan untuk menggambarkan erti yang baik. Kata 'cemburu' dalam bahasa Ibrani adalah *qi'nah*, atau dalam bahasa Yunani *zelos*, mempunyai akar kata 'hangat/panas'.

Maka bergantung pada konteksnya, kata 'cemburu' ini dapat digunakan untuk menggambarkan baik suatu perasaan negatif, ataupun positif.

Rasul Paulus menggunakan kata yang sama ini, *zeloo*, 'earnestly desire', yang diterjemahkan oleh Lembaga Alkitab Indonesia (LAI) dengan 'berusahalah untuk memperoleh', iaitu untuk memperoleh karunia-

Cemburu ilahi

karunia rohani (lih. 1Kor 12:31; 14:1,39).

Atau yang lebih jelas, adalah dalam suratnya yang kedua kepada jemaat Korintus, Rasul Paulus berkata: "Sebab aku cemburu kepada kamu dengan cemburu ilahi. Kerana aku telah mempertunangkan kamu kepada satu laki-laki untuk membawa kamu sebagai perawan suci kepada Kristus. Tetapi aku takut, kalau-kalau fikiran kamu disesatkan dari kesetiaan kamu yang sejati kepada Kristus, sama seperti Hawa diperdayakan oleh ular itu dengan kelicikannya.

"Sebab kamu sabar saja, jika ada seorang datang memberitakan Yesus yang lain dari pada yang telah kami beritakan, atau memberikan kepada kamu roh yang lain daripada yang telah kamu terima atau Injil yang lain dari pada yang telah kamu terima." (2 Kor 11:2-4)

Dalam ayat-ayat tersebut, 'cemburu' mempunyai erti positif, iaitu: mengasihi sedemikian, sehingga menjaga agar jangan sampai yang dikasihi tersesat dan tidak setia. Dalam erti yang positif inilah, Tuhan dikatakan sebagai Tuhan yang cemburu.

Tuhan tidak cemburu dalam erti iri hati terhadap bangsa Israel, tetapi bahawa Dia begitu mengasihi bangsa Israel dengan kasih yang kuat bagaikan api yang panas, yang tidak menghendaki umat-Nya mendua hati.

Demikianlah kita membaca dalam Kitab Ulangan, "Sebab TUHAN, adalah api yang

menghanguskan, Tuhan yang cemburu" (Ul 4:24); sebagai kesimpulan dari nasihat Nabi Musa agar bangsa Israel tidak melupakan perjanjian dengan Tuhan, dengan menjadi tidak setia (lih. Ul 4:21-23).

Di sini Kitab Suci menggambarkan perkahwinan rohani antara Tuhan dengan umat-Nya bagaikan kasih antara suami dan isteri.

Tuhan mengkehendaki agar bangsa pilihan-Nya hanya menyembah-Nya sebagai Tuhan yang satu-satunya.

Sayangnya, bangsa Israel berkali-kali tidak setia kepada Tuhan, mereka berpaling kepada para dewa/berhala, sehingga dalam Kitab Suci sering dikatakan bahawa bangsa Israel dan Yehuda 'bersundal' (lih. Yer 3:6-10).

Sebaliknya, Tuhan adalah Tuhan yang tetap setia. Tuhan tetap menunjukkan bahwa kasih-Nya kepada umat-Nya itu adalah kasih yang begitu total dan kuat/*intense*, yang mengkehendaki balasan yang serupa.

Dia menjaga umat-Nya dengan kasih yang 'cemburu' dalam erti positif, yang tak ingin bertoleransi dengan kehadiran tuhan-tuhan lain di tengah umat-Nya (lih. Kel 20:3-6, Yos 24:24-16,19-20, dst).

Erti 'cemburu' ilahi yang sedemikian berbeza dengan 'cemburu' yang disebutkan oleh Rasul Paulus dalam 1 Kor 13:4. Namun kerana akar katanya sama, erti positif dan negatif dari kata tersebut, disampaikan dalam kata yang sama. — *Katolisitas*

Sahabat kecil Yesus

Lengkapkan sukukata pada perkataan bergaris untuk membaca pesan penuh Yesus. Rujuk jawabannya dalam Injil Mat 10:26.

Dan jan _____ ka _____ ta _____ kepada me _____ yang dapat mem _____ tubuh, tetapi yang tidak ber _____ membunuh jiwa; _____ lah ter _____ kepada Dia yang ber _____ mem _____ kan baik jiwa ma _____ tubuh di dalam neraka (Mat 10:28).

MARI MEMBUAT PENANDA BUKU:

Warnakan penanda buku di bawah. Kemudian, gunting dan lekatkan pada kertas yang agak tebal untuk dijadikan penanda buku bagi Alkitab atau untuk buku kegemaran adik-adik.

Semua orang, yang dipimpin Roh Tuhan, adalah anak Tuhan ... (Roma 8:14)



Teka lambang dalam gambar di bawah dan tuliskan jawapan yang betul pada kotak yang disediakan.

komuni Alkitab malaikat Yesus

CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI



M	N	T	B	T	A	K	U	T	D	F	G
K	T	E	R	S	E	M	B	U	N	Y	I
C	Z	D	I	B	I	S	I	K	K	A	N
O	U	G	E	L	A	P	J	I	W	A	V
B	E	R	I	T	A	K	A	N	L	A	H
J	Q	S	W	R	E	Z	U	Y	T	R	B
B	E	R	K	U	A	S	A	S	Y	T	R
G	A	B	E	R	H	A	R	G	A	B	J
Y	M	R	S	Y	U	R	G	A	V	C	U

BERITAKANLAH SYURGA BERTAKUT BERHARGA **BERKUASA JIWA DIBISIKKAN** **TERSEMBUNYI TAKUT GELAP**

BELIA MILENIUM

WANG BUKAN PEMBERI SUKACITA

JOHOR BAHRU: Belia Gereja Immaculate Conception (CICJB) menganjurkan sebuah sesi menarik dan merangsang iman para kaum muda. Mereka berhimpun untuk meneliti tema, "Adakah Saya Gembira Di mana Saya Berada?"

Perhimpunan itu bertujuan menggalakkan introspeksi di kalangan belia dan memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang keadaan semasa mereka.

Dalam perjumpaan itu, para belia kelihatan gembira dan tidak melepaskan peluang untuk berkenalan serta beramah mesra.

Acara itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan disusuli Pujian dan Penyembahan sebelum mereka menyertai permainan yang menyeronokkan.

Selepas itu, sebuah sketsa bertajuk, "Saya gembira apabila saya ..." yang menceritakan kisah seorang budak lelaki yang dalam menjalani kehidupan ini, dia sentiasa menetapkan syarat untuk kebahagiaannya.

Beliau percaya kebahagiaan sejati hanya akan datang apabila dia memperoleh kebebasan, wang, dan masa lapang tanpa had untuk mengejar keinginannya.

Sketsa yang mempunyai elemen komedi ini membawa pesan penting bahawa "wang tidak dapat membawa kebahagiaan yang berkekalan."

Salah seorang pemimpin mengongsikan pengalamannya dalam mencari kebahagiaan, bahawa dia tidak menyangka, kebahagiaan itu ditemui pada situasi yang tidak dijangka iaitu melalui pengorbanan



Para belia disedarkan wang bukanlah segala-galanya.

dan ketika membantu orang lain.

Memetik kata-kata GK Cherterton, "Rahsia Terbesar untuk menjadi bahagia dapat ditemui dalam ajaran agama Kristian."

Pada akhir pertemuan itu, salah pemimpin belia menekankan "Mungkin kedengarannya sukar untuk bahagia sepanjang masa tetapi ia tidak mustahil. Carilah Yesus kerana sukacita hadir apabila kita menyedari kehadiran Yesus."



Masa lampau tidak dapat diubah tetapi kita boleh mengubah masa depan kita



MANILA: Harapan remaja yang mempunyai rekod kesalahan undang-undang semakin cerah apabila sebuah pusat religius komited untuk berjalan bersama dengan mereka, memberi pendidikan dan kesempatan untuk berkembang dalam masyarakat.

Rumah Harapan (*Bahay Pag-asa* dalam bahasa Tagalog) adalah Pusat Transformasi yang mengambil pelajar di kalangan remaja yang Berkonflik dengan Hukum (CICL).

Bro Gus Boquer, seorang Brother Lasallian yang juga salah seorang pendiri utama *House of Hope* (*Bahay Pag-asa*) di Filipina menekankan tagline pusat itu iaitu, "Kita Tidak Dapat Mengubah Masa Lalu Kita Tapi Kita Boleh Mengubah Masa Depan Kita".

Katanya, "remaja terlibat dalam kegiatan ilegal kerana kemiskinan, pengaruh teman sebaya, pendidikan yang terputus atau tidak memadai, dan keluarga yang berantakan. Oleh itu, membantu mereka penting kerana mereka adalah mangsa keadaan dan mereka berhak mendapatkan kesempatan kedua untuk menjadi individu yang taat kepada undang-un-

gang, produktif, dan mandiri."

"Sebagai institusi Lasallian, pendidikan adalah anugerah terpenting kami untuk para penghuni di pusat ini. Semua penghuni diberikan kesempatan untuk belajar," kata Bro Gus.

Pusat itu juga melatih para pelajar untuk mencari mata pencarian, membantu para remaja tersebut mempersiapkan diri untuk kembali diintegrasikan kembali ke komuniti dan keluarga masing-masing.

Para remaja tersebut juga "selalu dibimbing tentang solidariti dan kepedulian terhadap yang lemah."

Bro Don menekankan peranan peranan menjaga satu sama lain yang dipromosikan di kalangan penghuni rumah harapan kerana pada dasarnya, kita dimaksudkan untuk benar-benar peduli satu sama lain. Inilah panggilan kita.

"Panggilan kita untuk mencintai dan peduli itu hanya dapat terjadi jika kita menjunjung tinggi martabat masing-masing sebagai makhluk yang diciptakan menurut gambar dan rupa Tuhan." — *media Vatikan*



Seorang wanita Ukraine meratap kesedihan akibat peperangan. Gambar: Media Vatikan.

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus telah menyampaikan perutusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York yang menyeru menamatkan keganasan, konflik dan membina senjata serta mengatakan bahawa mereka mencerminkan “kebuluran persaudaraan” yang membimbangkan dunia hari ini.

Sangti Papa berkata, “sudah

tiba masanya untuk mengatakan “tidak” dengan tegas untuk berperang, untuk menyatakan bahawa peperangan hanya membawa ketidakadilan, bukan keamanan.”

Pesan itu dibacakan oleh Uskup Agung Paul Richard Gallagher, Setiausaha Hubungan Vatikan dengan Negara-negara dan Organisasi Antarabangsa, yang membaca mesej Sri Paus, kerana

Bapa Suci masih dalam proses pemulihan selepas dibedah di hospital pada Jun 7 lalu.

Perutusan Sri Paus dimulakan dengan analisis tentang “momen penting” yang sedang dilalui oleh manusia “di mana keamanan seolah-olah memberi laluan kepada perang” tetapi ini tidak berlaku sebaliknya “kita menjadi mundur dengan peningkatan ekstremis,

kebencian dan serangan konflik yang bukan sahaja anachronistik dan ketinggalan zaman, tetapi lebih ganas.”

Sebagai umat beriman, Sri Paus menegaskan bahawa keamanan adalah “impian Tuhan untuk manusia.” Tetapi kita tidak dapat menafikan dan kesal kerana peperangan, impian indah Tuhan menjadi mimpi buruk.

Bapa Suci mengakui: “perang sering lebih menarik daripada keamanan kerana ia memberi keuntungan pada pihak tertentu, tetapi ia tidak kekal malah mengorbankan kesejahteraan seluruh penduduk. Wang yang diperoleh daripada jualan senjata itu adalah wang yang kotor dengan darah yang tidak bersalah.”

Untuk membina keamanan, Bapa Suci menegaskan, “kita

mesti menjauhkan diri dari logik kesahihan perang”.

Hari ini “dengan senjata nuklear dan pemusnah besar-besaran, medan perang telah menjadi hampir tidak dapat dibataskan dan kesannya berpotensi bencana”.

“Bagaimana perang berakhir jika semua orang hanya berfikir tentang diri sendiri? Tetapi mereka yang berusaha untuk membina keamanan harus mempromosi persaudaraan.”

Ini adalah “kraftangan” yang memerlukan “semangat dan kesabaran, pengalaman dan pandangan jauh, ketabahan dan dedikasi, dialog dan diplomasi.” Dan ia juga memerlukan “mendengar” terutamanya kepada tangisan mereka yang menderita akibat konflik, terutama kanak-kanak. — *media Vatikan*

Keamanan adalah impian indah Tuhan

Keuskupan Korea-Jepun perkuat kerjasama



Uskup Incheon berbicara kepada sekumpulan paderi dari Jepun semasa mereka berkunjung ke Korea Selatan. Gambar: Ucanews.com

INCHEON, Korea: Dua kumpulan paderi Jepun mengunjungi keuskupan-keuskupan di Korea Selatan dengan tujuan untuk memperkuat persahabatan dan kerja sama antara Gereja khususnya dalam isu migran tidak berdokumen, katekesis untuk orang tua dan kanak-kanak, dan mempromosi panggilan.

Kumpulan paderi Keuskupan Fukuoka, Jepun bersama dengan Uskup Josep Maria Abella Batlle yang berasal dari Sepanyol, berkunjung ke Incheon dari Jun 5-9.

Mereka juga bertemu dengan

para rohaniwan keuskupan untuk berkongsi pelbagai kegiatan pastoral.

Delegasi dari Jepun juga menghadiri perarakan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Incheon, Msgr. John Baptist Jung Shin-chul di Pusat Ziarah Ekaristi di Gereja Katolik Gimpo.

Uskup John Baptist mengatakan beliau berharap kedua-dua negara meskipun berbicara dalam bahasa yang berbeza, tetapi menjadi satu di dalam Tuhan dan mencapai persatuan yang lebih besar yang saling membantu. — *ucanews.com*

Ekaristi menjadikan kita anggota keluarga Tuhan

DRC, Afrika: Uskup dari seluruh DRC dan ribuan umat beriman menghadiri penutupan Misa Kudus Kongres Kali ketiga yang diadakan di Lubumbashi, bandar kedua terbesar Congo.

Kardinal Louis Antonio Gokim Tagle, Pro-Prefek Bahagian untuk Penginjilan Pertama dan Gereja-gereja Tertentu Baru Dicastery untuk Evangelisation, adalah utusan khas Sri Paus Fransiskus ke upacara itu yang bertema, “Ekaristi dan Keluarga.”

Misa penutup diadakan di stadium bola sepak Mazembe. Kongres itu diadakan empat bulan selepas lawatan Bapa Suci Fransiskus ke DRC.

Dalam ucapannya, Kardinal Tagle berkata Kongres Ekaristi memberi peluang kepada penganut Kristian Katolik mengakui perpaduan mereka sebagai rakyat Congo.

Ekaristi menjadikan kita keluarga Tuhan. Walaupun kita banyak dan berbeza antara satu sama lain,



kita adalah satu keluarga dalam Yesus Kristus.

“Dan kehidupan keluarga ini adalah cinta Roh Kudus, yang membuat kita bertumbuh dan menjadi anggota tubuh penuh Kristus di mana Dia adalah Kepala,” kata Kardinal Tagle.

Dua Kongres Ekaristi pernah di-

adakan di DRC. Kongres Ekaristi pertama diadakan di Kisantu pada tahun 1933, dan yang kedua di Kinshasa pada tahun 1980.

Kepentingan Kongres ketiga ini adalah tumpuan kepada keluarga, yang merupakan salah satu kebimbangan Gereja di peringkat sejagat dan tempatan. — *Vatican News*

Para Uskup AS desak parlimen tingkatkan perlindungan kanak-kanak terhadap pornografi

ROMA: Para uskup Amerika Syarikat (AS) mendorong umat Katolik untuk bergabung dengan mereka dalam mendesak Kongres bagi melindungi kanak-kanak menonton pornografi mahupun menjadi mangsa pornografi dan eksploitasi.

Pada Jun 9, Komisi Kehakiman, Perdamaian, dan Pembangunan Kemanusiaan Konferensi para Uskup AS (USCCB) mengatakan bahawa “kedua-dua parti (Demokrat dan Republik) di Kongres mengajukan pelbagai undang-undang yang

akan menangani dan membantu pencegahan eksploitasi kanak-kanak melalui Internet dan suara umat Katolik “diperlukan untuk mendesak Kongres menggunakan kuasa mereka untuk melindungi kanak-kanak dan orang-orang yang rapuh secara online.”

Seruan tersebut menyusul selepas komisi itu menghantar surat pada Jun 6, kepada Kongres yang mendesak anggota parlimen untuk melindungi kanak-kanak dari paparan pornografi Internet dan menyediakan sumber untuk penguatkuasaan un-

dang-undang memerangi pornografi dalam talian.

“Sebagai paderi, kami telah melihat kesan eksploitasi kanak-kanak secara langsung yang sangat merosakkan,” tulis uskup dalam surat itu.

“Dan sebagai pemimpin sebuah institusi yang, selama bertahun-tahun, gagal memenuhi tanggungjawabnya untuk melindungi semua kanak-kanak, kita tahu bahawa akibat budaya apabila gagal memberi perhatian yang mencukupi kepada masalah eksploitasi seksual



kanak-kanak.”

“Kemampuan seorang kanak-kanak untuk tumbuh menjadi dewasa dalam kedamaian dan keamanan adalah hak asasi manusia dan juga tuntutan kebai-

kan bersama: martabat peribadi manusia memerlukan perlindungan bagi generasi muda kita agar mereka dapat berkembang saat mereka dewasa.” — *media Vatikan*

PESAN AWAL HARI ORANG MISKIN SEDUNIA

Jangan memalingkan wajah kita dari orang miskin

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus telah mengeluarkan mesej tahunannya untuk Hari Miskin Sedunia “sungai kemiskinan yang besar melintasi bandar-bandar kita”, dan setiap orang Kristian dipanggil untuk menjadi “terlibat secara peribadi” untuk menentang aliran itu.

Perutusan Bapa Suci sempena Hari Orang Miskin Sedunia yang akan disambut tahun ini pada hari Ahad, November 19, mengambil refleksi dari Kitab Tobit.

Sri Paus Fransiskus memulakan mesejnya dengan menekankan bahawa “sungai kemiskinan yang besar melintasi bandar-bandar kita sudah hampir melimpah; Ia seolah-olah membebaskan kita, begitu besar keperluan saudara dan saudari kita yang memohon pertolongan, sokongan dan perpaduan daripada kita semua.

“Kita hidup pada masa-masa yang tidak begitu sensitif terhadap keperluan orang miskin.”

Tekanan untuk mengamalkan gaya hidup mewah meningkat, manakala suara mereka yang tinggal dalam kemiskinan cenderung tidak didengari.

Sangti Papa juga menekankan “bentuk kemiskinan baru seperti orang yang terperangkap dalam situasi perang, layanan tidak berperikemanusiaan ramai pekerja, dan spekulasi dalam pelbagai sektor sehingga membawa kepada kenaikan harga dramatik yang terus memusnahkan banyak keluarga.

Menghadapi masalah besar ini, Bapa Suci mengajak semua umat agar tidak me-



Seorang paderi memberikan komuni kepada penduduk beragama Katolik di sebuah kawasan setinggan di India.

lepas tanggungjawab kita.

“Kita mesti mematuhi kata-kata Tobit kepada Tobias: Jangan memalingkan wajahmu dari sesiapa yang miskin!”

Dengan kata lain, “setiap kali kita bertemu dengan orang miskin, jangan menjauhkan diri, kerana itu akan menghalang kita daripada menemui wajah Tuhan Yesus.”

Oleh itu, “perumpamaan orang Samaria yang baik (Luk 0:25-37) bukan sekadar cerita dari masa lalu; ia terus mencabar setiap kita dalam kehidupan seharian kita.

Memang mudah untuk meminta seseorang mewakili kita dalam melakukan amal tetapi panggilan setiap orang Kristian adalah untuk terlibat secara peribadi.

Sri Paus Fransiskus seterusnya menunjukkan bahawa tahun ini adalah ulang tahun ke-60 dokumen Sri Paus Yohanes XXIII *Pacem in Terris*, di mana mendiagnoskan Bapa Suci itu menggesa bahawa, “Setiap manusia menikmati hak untuk hidup, integriti tubuh dan cara yang diperlukan untuk perkembangan kehidupan yang betul, termasuk makanan, pakaian, perlindungan, rawatan perubatan, rehat, dan akhirnya, perkhidmatan sosial yang diperlukan.”

Bagaimana melawan kemiskinan? Bapa Suci mengatakan: Pertama: Semua orang harus ambil peranan. Kedua: Jangan tunggulah tindakan pihak berkuasa, bermula dari diri sendiri! — *media Vatikan*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Wanita, jangan berhenti pada Sinode

Proses sinode Gereja Katolik adalah sebuah ajakan untuk berinvestasi dalam pembinaan pastoral dan profesional wanita dalam Gereja, kata ketua terpilih dari Perhimpunan Organisasi Wanita Katolik Dunia (WUCWO).

Dalam pertemuan selama seminggu yang disebutnya sebagai “latihan sinodaliti”, Mónica Santamarina, yang terpilih sebagai ketua umum WUCWO, oleh 832 perwakilan organisasi wanita Katolik dari 38 negara.

Kongres itu diadakan di Assisi, yang berlangsung pada Mei 14-20 untuk pertama kalinya sejak pandemik COVID-19 dengan tema, “Women of WUCWO: Artisans of human fraternity for world peace.”

“Ketika anda memiliki kebangsaan dan budaya yang berbeza bersatu, ada saat-saat sukar, tetapi anda melihat bagaimana dialog meningkat dengan pemahaman dan kerjasama,” katanya kepada *Catholic News Service* di pejabat WUCWO di Vatikan pada Jun 1.

Sebagai jaringan organisasi yang mewakili sekitar lapan juta ahli di seluruh dunia, WUCWO memiliki pandangan luas tentang situasi wanita Katolik di seluruh dunia.

Dalam pertemuan itu, para peserta menetapkan keutamaan untuk empat tahun hadapan dengan memfokuskan kepada kebebasan beragama, krisis makanan global, mempromosikan cinta keluarga, solidariti dengan migran.

Menurut Monica, topik-topik tersebut sangat relevan di Gereja saat ini khususnya meningkatkan latihan dan penyertaan wanita dalam Gereja melalui semangat sinodaliti.

Hasil kaji selidik sinode, Monica menunjukkan majoriti wanita yang terlibat dalam sinode merasa telah didengarkan — 55% wanita mengatakan mereka “selalu” atau “biasanya” didengari — tetapi pendapat mereka dipertimbangkan.

Di antara hambatan terbesar bagi penyertaan wanita dalam Gereja yang diperolehi melalui kaji selidik itu adalah klerikalisme — rasa superior di pihak klerus yang sering dikecam oleh Sri Paus Fransiskus — ditambah dengan ketakutan terhadap lelaki oleh sebagian wanita di Gereja.

Salah satu cara untuk memerangi hal yang kurang menyenangkan itu, Monica mengusulkan, melalui kehadiran perempuan yang lebih besar di seminari dan di seluruh formasi imam, memungkinkan lelaki dan wanita, serta klerus dan awam, “berjalan bersama sebagai Gereja.”

Monica juga menyokong keputusan puluhan wanita dilantik dalam Sinode Para Uskup pada Oktober bahawa wanita Katolik untuk tetap bersatu dalam ajaran Gereja selama proses sinode.

Monica juga berharap agar peranan wanita ini akan terus aktif selepas sinode berakhir pada Oktober 2024.

Wanita selalu bekerja dan bertanggungjawab keluarga, tetapi dengan latihan serta peluang, oleh itu peranan mereka dalam Gereja harus disesuaikan dengan realiti yang dihadapi oleh wanita. — *media Vatikan*

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

SANTAPAN IMAN

10 petua atasi tekanan perasaan yang berlanjutan

Ramai daripada kita menghadapi risiko keletihan emosi, sosial, fizikal, dan juga rohani. Meskipun kita dikurniakan banyak bakat dan kepandaian, keletihan dan tekanan berpanjangan boleh menguasai kita. Berikut adalah 10 cadangan mengatasi *burnout*!

1. Tidur adalah salah satu aset terbesar untuk mengelakkan keletihan. Apabila kita mengabaikan waktu tidur, kita menjemput iblis-iblis kecil mengganggu kehidupan kita.

2. Makan secara sihat: Kebanyakan orang yang menganggap mereka makan secara sihat sebenarnya tidak. Apabila membenarkan Tuhan ‘menkonsekrasi’ pemakanan untuk tubuh dan minda kita, kita akan menemui kebolehan ini yang tidak disedari.

3. Peranti yang direka untuk membawa

kemudahan dan akses kepada kehidupan kita akan menguras tenaga kita, kecuali kita belajar mengawalinya, dan tidak membenarkan mereka mengawal kita.

4. Manusia direka untuk bergerak secara teratur bukan sahaja untuk terus hidup, tetapi untuk berkembang maju. Kita tidak sepatutnya menganggap aktiviti biasa sebagai sesuatu pilihan.

5. Semua doa mempunyai tujuan dan janji di luar kemampuan kita untuk memahami. Berdoalah selalu lebih-lebih lagi semasa bekerja, melakukan aktiviti atau ketika sedang berada dalam pengangkutan awam.

6. Keterbukaan terhadap ketidakselesaan: Untuk mengalami kasih Tuhan sepenuhnya, kita mesti bersedia untuk mengalami ketidakselesaan dan kekurangan.

7. Diam: Kita perlu berdiam diri untuk mengenali diri kita sebagai anak-anak Tuhan, dan Tuhan sebagai Bapa kita. Tiada sesiapa — bahkan pembimbing rohani yang terbaik — dapat menggantikan Tuhan dalam mengenal peribadi kita dan Tuhan yang hadir dalam keheningan jiwa kita.

8. Hayati kehidupan sebagai pengembaraan: Kehidupan adalah pengembaraan untuk hidup satu saat pada satu masa. Semua orang, dalam apa jua kerjaya, mesti memahami dan menerima ini. Jika tidak, rasa kecewa dan putus asa sering menerpa kita.

Masa-masa susah dalam kehidupan adalah peluang untuk kematangan dan bertumbuh, memberi peluang baru tetapi hanya apabila kita melihat kehidupan ini sebagai sebuah pengembaraan hebat.

9. Bergantung kepada Tuhan: Orang-orang dalam kehidupan kita adalah salah satu hadiah terbesar yang Tuhan berikan kepada kita.

Tetapi kita tidak boleh bergantung kepada mereka, dan mereka juga tidak boleh bergantung kepada kita. Hanya apabila kita terus melihat kepada Tuhan dan seluruh ciptaan-Nya, kita akan bebas mencintai dan hidup sepenuhnya.

10. Identiti yang jelas: Saya, yang pertama dan terutama adalah anak Tuhan. Menjadi paderi, ibu, bapa, ahli keluarga, rakan, atau pekerja, ini semua mungkin panggilan dan kerjaya saya. Tetapi ia bukan saya. Di lubuk hati saya, saya adalah anak Tuhan. — *Aleteia*



Gereja siap siaga beralih ke fasa kebangsaan



Para klerus mendoakan para peserta perhimpunan pastoral vikariat di Gereja Our Lady of Guadalupe, Krubong.

JOHOR BAHRU: “Dari *Aggiornamento* 1976, kini kita memasuki lembaran baru dalam sejarah Gereja Malaysia,” kata Uskup Bernard Paul berkata dalam ucapan pembukaannya sempena perhimpunan pastoral vikariat pada Jun 5. Pesan prelatus itu digemakan serentak di tiga vikariat.

Katanya, Konvensi Pastoral Semenanjung Malaysia 2024 akan menjadi yang terakhir diadakan kerana perhimpunan besar ini tidak hanya akan melibatkan umat dan klerus Semenanjung sahaja sebaliknya menuju ke arah fasa baharu iaitu melibatkan Sabah dan Sarawak iaitu Konvensi Pastoral Malaysia (MPC) pada tahun 2026.

MPC adalah konvensi 10 tahun yang terdiri daripada, paderi, religius dan pemimpin awam yang berkumpul untuk meneliti hala tuju pastoral Gereja Semenanjung.

“Gereja akan beralih menjadi Konvensi pastoral Malaysia atau MPC yang benar-benar Malaysia pada tahun 2026. Bermula sekarang, Sabah dan Sarawak juga akan mengambil bahagian dalam perbincangan

dan kebijaksanaan,”

Sebagai persiapan, Keuskupan Melaka-Johor mengadakan dua proses perhimpunan iaitu Perhimpunan Vikariat yang diadakan serentak di tiga vikariat pada bulan Jun dan Perhimpunan Pastoral Keuskupan yang bakal diadakan pada bulan Oktober.

Uskup Bernard menekankan bahawa, “Teras pastoral penting dalam misi kita sebagai Gereja dalam keuskupan ini adalah untuk mencari Persekutuan Keluarga.

Matlamatnya adalah supaya kita, sebagai Gereja, membina Persekutuan Keluarga sambil berusaha menjadi Kreatif, Inklusif, Membangun Jambatan, Berwawasan dan Misionari dan yang paling penting, untuk melangkah bersama ke hadapan sebagai ‘rasul Harapan.’

“Marilah kita memainkan misi kita sebagai rasul harapan, mengambil bahagian dan menyumbang kepada penjagaan bumi dan membina masyarakat kita,” kata Uskup Bernard.

Prelatus itu menjelaskan apa yang terjadi dalam dua perhimpunan pastoral tersebut ba-

hawa, “Dalam salah satu bahagian perhimpunan pastoral ini, kita mulakan dengan bertanya BAGAIMANA? Oleh itu penting bagi para perwakilan untuk merenung dan memberi respon tentang empat tema utama. Apa yang anda renung dan fikirkan akan diteliti oleh lanjut oleh tim tindakan kami.”

Tim ini akan menganalisis dan mencadangkan tindak balas pastoral di Perhimpunan Pastoral Keuskupan pada Oktober 14

tahun ini.

“Perhimpunan ini mengungkapkan semangat ‘berjalan bersama’ ketika kita ‘meraikan rasa kebersamaan’. Marilah kita semua diingatkan bahawa kita semua bersatu melalui satu pembaptisan kita dalam Kristus. Dengan kurnia pembaptisan ini, kita semua berkongsi dalam misi Kristus. Misi kita boleh dinyatakan dalam peranan kita sebagai Imam, Nabi, dan Raja.

Empat tema utama MPC

Empat tema utama dalam perhimpunan pastoral vikariat iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi dan Komuniti. Dua jam diperuntukkan bagi pelbagai kumpulan untuk merenung soalan-soalan berikut:

KELUARGA: Bagaimana kita boleh membangun usaha untuk mendalami perpaduan dalam keluarga kita?

GEREJA: Bagaimana kita boleh membangun usaha untuk menjadi Gereja yang lebih mendengar, inklusif dan menginjil?

EKOLOGI: Bagaimana kita boleh membangun usaha untuk menghargai dan melindungi ekologi kita?

KOMUNITI: Bagaimana kita boleh membangun usaha untuk menjadi saksi cinta yang lebih baik, adil dan benar dalam masyarakat?

Peranan tim *discernment* dalam perhimpunan pastoral

Tim *discernment* yang diketuai oleh Fr Dr Lawrence Ng terdiri daripada Mgr Peter Ng, Fr Paul Sia, Sr Shanti Mariadass, Sr Magdalene Kopong, Albert Tan dan Viviana.

Tim ini akan menawarkan analisis pendek dan mencadangkan perkara utama untuk tindakan yang boleh dilakukan oleh keuskupan.

Analisis ini dan cadangan perkara utama akan dibentangkan pada Oktober 14 semasa Perhimpunan Pastoral Keuskupan. Delegasi akan diberi masa maklum balas selama 10 minit diikuti dengan forum terbuka dan perbincangan.

Mereka diberi dua minit untuk menyatakan setiap satu input, cadangan, dan kenyataan. Setelah mendengar semua

orang, tim *discernment* akan bertemu sekali lagi dan mempertimbangkan draf yang dibentangkan.

Tim ini juga akan mendengar maklum balas, refleksi, dan arahan uskup mengenai cara untuk meneruskan dan menerapkannya di peringkat paroki. Hasilnya akan dihantar melalui e-mel kepada semua paroki.



Pertemuan para direktor PMS di Keuskupan Sandakan

SANDAKAN: Para Direktor atau Pengarah Persatuan Karya-karya Misi Kepausan Malaysia, Singapura dan Brunei bertemu Pusat Pastoral Keuskupan Sandakan pada Jun 12-14.

Presiden Episkopal, Uskup Agung Simon Poh mempengerusikan mesyuarat bersama Fr Victor Louis, Pengarah Kebangsaan PMS untuk konferensi para Uskup.

Dalam ucapan perasmianya, Uskup Agung Simon mengatakan bahawa dalam perkembangan sinodal, masih ramai umat Tuhan yang bergantung pada hierarki Gereja untuk memberitahu orang lain bagaimana dapat membangkitkan dunia.

“Oleh itu kita perlu melatih umat awam agar menggalas tanggungjawab un-



tuk menghasilkan idea dan penyelesaian cabaran misi.”

Fr Victor pula mengongsikan pesan Sri Paus kepada ahli-ahli PMS.

Bapa Suci mengingatkan semua umat tentang sifat misionari setiap orang yang

pengagihan dana bagi mereka yang memerlukan bantuan sebaliknya menyokong misi penginjilan di Gereja dan untuk semangat misionari di Gereja di kalangan umat Tuhan.

Kemudian mereka merenung dan berkongsi pesan Sri Paus untuk Hari Misi Sedunia 2023. Mereka berbincang bagaimana untuk menghidupkan dan memberi inspirasi kepada orang lain tentang kerja-kerja misionari.

Seperti biasa, setiap pengarah PMS keuskupan berkongsi tentang aktiviti misionari mereka dan cabaran mengutip kolekte. Hari Misi Sedunia ke-96 bagi tahun 2023 jatuh pada Oktober 22, 2023 dengan tema, “Hati Yang Terbakar, Kaki Yang Bergerak” (Luk 24:13-35).

PMS bukanlah sebuah agensi untuk